Kanan a/l Subramaniam dan satu lagi lwn Aman Syah bin Abadzyuid

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN SIVIL NO 12-28 TAHUN 2000
VT SINGHAM PK
24 NOVEMBER 2001

Ganti Rugi (Kecederaan Peribadi atau Kematian) *— Ganti rugi am — Penaksiran — Kehilangan mata pencarian masa hadapan — Hakim perbicaraan telah mengawardkan kehilangan mata pencarian sebenar untuk satu tempoh 18 bulan dan kehilangan mata pencarian masa hadapan untuk satu tempoh 11 tahun — Sama ada kehilangan mata pencarian masa hadapan plaintif patut dikira berdasarkan 14 tahun dan bukan 16 tahun — Sama ada keputusan hakim perbicaraan dalam mengawardkan kehilangan mata pencarian masa hadapan untuk tempoh 16 tahun adalah salah — Sama ada satu potongan satu pertiga patut dibuat berhubung award untuk kehilangan mata pencarian masa hadapan supaya diambilkira jatuh bangun lain dalam kehidupan dan bayaran sekali gus — Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 28A*

Ini adalah rayuan defendan ke atas jumlah yang ditawarkan kepada plaintif oleh hakim mahkamah sesyen. Isu-isu yang dibangkitkan defendan dalam rayuan ini berkaitan: (a) kehilangan mata pencaraian sebenar plaintif; (b) kehilangan mata pencaraian masa depan plaintif; (c) sama ada tempoh 16 tahun yang digunakan bagi mengira kehilangan mata pencaraian masa depan plaintif salah; (d) sama ada perlu plaintif memplidkan kehilangan mata pencaraian masa depan sebelum award bagi tuntutan tersebut dapat diberikan; (e) samaa da penolakan satu pertiga harus dibuat ke atas award kehilangan mata pencarian masa depan untuk mengambil kira cabaran hidup yang lain dan memandangkan bayaran dibuat sekaligus dan; (f) sama ada kerugian am RM54,000 ditawarkan oleh hakim mahkamah sesyen bagi kesakitan dan keseksaan dan kehilangan keselesaan hidup perlu dikurangkan. Semasa perbicaraan plaintif menerangkan bahawa selepas kemalangan tersebut, ia bekerja enam hari dalam sebulan di ladang ayahnya dan dibayar sejumlah RM400 sebulan. Tambahan kepada rayuan ini, peguam defendan telah membuat beberapa aduan ke atas hakim mahkamah sesyen berkaitan kepada cara perbicaraan diteruskan. Aduan pertama peguam defendan adalah bahawa dalam nota prosiding hakim mahkamah sesyen tersebut telah dicatitkan bahawa peguam defendan telah bersetuju bahawa kehilangan mata pencarian palintif masa depan harus dikira pada kadar 16 tahun tetapi pada hakikatnya peguam defendan tidak pernah bersetuju kepadanya. Peguam defendan juga mengadu bahawa hakim mahkamah sesyen enggan membenarkannya meneruskan hujah berkaitan dengan kehilangan mata pencarian plaintif.

Diputuskan:

(1) Pembelaan tidak mencabar keterangan yang diberikan oleh plaintif dan saksi-saksinya bahawa plaintif pada masa kemalangan

itu berkhidmat sebagai pemandu lori. Jumlah gaji yang diperolehi plaintif juga tidak dicabar. Plaintif telah memberikan alasannya mengapa dia tidak membekalkan sebarang dokumen sokongan ataupun memanggil majikannya untuk memberikan keterangan dan defendan tidak mencabar penerangan plaintif. Memandangkan sedemikian hakim perbicaraan betul apabila menerima keterangan plaintif bahawa dia berkhidmat sebagai pemandu lori semasa kemalangan. Sekiranya defendan ingin mencabar mana-mana aspek keterangan plaintif, defendan harus berbuat sedemikian melalui pemeriksaan balas plaintif dan saksi-saksinya dan bukan dengan secara hujahan (lihat ms 568B–G, 569G–H).

(2) Walaupun plaintif telah gagal membuktikan, di atas keseimbangan kemungkinan, bahawa ia mendapat gaji sebanyak RM1,500 sebulan, hakim perbicaraan telah mengira kehilangan mata pencaraian sebenar plaintif pada kadar RM1,000 sebulan. Pihak-pihak telah bersetuju bahawa tempoh kehilangan mata pencaraian sebenar plaintif adalah 18 bulan dan hakim perbicaraan menawarkan jumlah RM18,000 kepada plaintif di atas tuntutannya bagi kehilangan mata pencaraian sebenar. Memandangkan defendan tidak mencabar keterangan saksi-sakai plaintif dalam perkara ini, mahkamah tidak akan campurtangan dalam keputusan hakim perbicaraan dan rayuan defendan atas butiran ini ditolak (lihat ms 570B, G–571A).

(3) Jumlah sebanyak RM300 yang ditawarkan kepada plaintif bagi kehilangan mata pencarian masa depan adalah munasabah dan sedemikian rayuan defendan terhadap kehilangan mata pencarian masa depan plaintif ditolak (lihat ms 571B–D).

(4) Tempoh maksima bagi pengiraan kehilangan mata pencarian masa depan plaintif sebagaimana yang distipulasikan dalam s 28A Akta Undang-undang Sivil 1956 ('Akta tersebut') adalah 16 tahun. Di bawah s 28A(ii)(c) Akta tersebut, tiada sebarang perbezaan di antara kehilangan mata pencarian sebelum perbicaraan dan kehilangan mata pencaraian selepas perbicaraan. Oleh yang sedemikian, memandangkan yang hakim mahkamah sesyen telah pun menawarkan kehilangan mata pencarian sebenar bagi tempoh 18 bulan, kehilangan mata pencarian masa depan plaintif harus dikira, paling tinggi sekali, pada kadar 14 tahun dan bukannya 16 tahun. Keputusan hakim mahkamah sesyen dalam menawarkan kehilangan mata pencarian masa depan bagi tempoh 16 tahun adalah salah dan rayuan defendan pada butiran ini dibenarkan (lihat ms 571G–572C).

(5) Hakim perbicaraan gagal untuk memberikan penilaian kehakiman yang tepat ke atas semua keterangan dalam kes ini. Dalam kes ini, plaintif menerangkan bahawa dia dibayar sejumlah RM400 bagi enam hari dia bekerja di ladang ayahnya. Dalam situasi ini, plaintif gagal mengambil langkah-langkah sewajarnya

mengurangkan kerugiannya. Memanangkan sedemikian, tempuh masa yang sesuai untuk digunakan bagi pengiraan kehilangan mata pencarian masa depan plaintif harus dikurangkan ke sepuluh tahun. Oleh kerana peguam defendan tidak membangkitkan isu mengenai 'belanja kehidupan' seperti yang berikan di bawah s 28A(2)(c)(iii) Akta tersebut, 'belanja kehidupan' tidak akan diambil kira dalam mengira kehilangan mata pencarian masa depan plaintif (lihat ms 573H–574C).

(6) Tuntutan plaintif bagi kehilangan mata pencarian masa depan jatuh dalam lingkungan tuntutan kerugian am dan bukannya dalam lingkungan tuntutan kerugian khas maka tiada keperluan plaintif memplidkannya. Walau bagaimanapun, adalah lebih baik bagi butiran tuntutan plaintif diplidkan supaya defendan tidak akan terkejut (lihat ms 574E–F).

(7) Mengikut keputusan Mahkamah Rayuan yang tidak dilapurkan dalam *Tan Phaik See (mother of Tan Hock San, deceased) & Anor v Chuah Seng Boon*, tolakan satu pertiga tidak seharusnya dibuat ke atas award kehilangan mata pencarian masa depan, supaya dapat mengambil kira cabaran hidup yang lain dan juga fakta bahawa pembayaran dibuat sekaligus (lihat ms 576D–E).

(8) Walaupun jumlah RM54,000 yang ditawarkan mahkamah sesyen bagi kerugian am bagi kesakitan dan keseksaan dan juga kehilangan keselesaan nampaknya memihak kepada plaintif, apabila diambil kira kecederaan yang dihadapi plaintif dan ketidakupayaannya, maka tawaran tidak nampak keterlaluan (lihat ms 578A–C).

(9) Seorang pegawai kehakiman harus merekodkan hanya apa yang sebenarnya berlaku semasa perbicaraan. Mengenai aduan pertama, peguam plaintif mengaku bahawa, bercanggah kepada rekod yang dicatit dalam nota prosiding hakim mahkamah sesyen, peguam defendan tidak bersetuju tempoh 16 tahun. Memandangkan sedemikian, dalam rayuan ini, tiada sebarang pertimbangan diberikan kepada persetujuan peguam defendan yang dipertikaikan itu. Mengenai aduan kedua hakim mahkamah sesyen harus membenarkan peguam defendan memberikan hujahannya mengenai kerugian yang dituntut sebelum membuat keputusan dalam perkara ini (lihat ms 579I–580B, 582D).

[English summary

This was an appeal by the defendant against the quantum awarded to the plaintiff by the sessions court judge. The issues raised by the defendant in this appeal pertained to: (a) the plaintiff's actual loss of earnings; (b) the plaintiff's future loss of earnings; (c) whether a period of 16 years used to calculate the plaintiff's future loss of earnings was erroneous; (d) whether it was necessary for the plaintiff to plead future loss of earnings before an award may be given for that claim;

(e) whether a one-third deduction should be made in respect of the award for future loss of earnings to take into account other vicissitudes of life and the fact that payment was made in one lump sum and; (f) whether the general damages of RM54,000 awarded by the sessions court judge for pain and suffering and loss of amenities ought to be reduced. At the trial, the plaintiff testified that after the accident, he worked six days in a month at his father's farm and was paid a sum of RM400 every month. In addition to this appeal, the defendant's counsel made certain complaints against the sessions court judge in regard to the manner in which the trial was proceeded with. The defendant's counsel's first complaint was that in the sessions court judge's notes of proceedings, it was recorded that the defendant's counsel had agreed that the plaintiff's future loss of earnings should be calculated at 16 years when in fact, the defendant's counsel did not agree to the same. The defendant's counsel further complained that the sessions court judge refused to allow him to continue with his submission in respect of the plaintiff's loss of earnings.

Held:

(1) The defence did not challenge the evidence given by the plaintiff and his witnesses that the plaintiff had been gainfully employed as a lorry driver at the time of the accident. The amount of wages earned by the plaintiff too had not been challenged. The plaintiff had given his reasons as to why he had not furnished any supporting documents or called his employer to testify and the defendant did not challenge the plaintiff's explanation. As such, the trial judge correctly accepted the plaintiff's evidence that he was working as a lorry driver at the time of the accident. If the defendant intended to challenge any aspect of the plaintiff's evidence, the defendant should do so through cross-examination of the plaintiff and his witnesses rather than by way of submission (see pp 568B–G, 569G–H).

(2) Although the plaintiff had failed to prove, on a balance of probabilities, that he was earning RM1,500 per month, the trial judge had calculated the plaintiff's actual loss of earnings on the basis of RM1,000 per month. The parties hereto had agreed that the period of the plaintiff's actual loss of earnings was 18 months and the trial judge accordingly awarded a sum of RM18,000 to the plaintiff for his claim of actual loss of earnings. Since the defendant did not challenge the testimonies of the plaintiff's witnesses on this matter, the court would not interfere with the trial judge's decision and the defendant's appeal on this point was dismissed (see pp 570B, G–571A).

(3) The sum of RM300 awarded to the plaintiff for future loss of earnings was reasonable and accordingly, the defendant's appeal regarding the plaintiff's future loss of earnings was accordingly dismissed (see p 571B–D).

(4) The maximum period for calculation of the plaintiff's future loss of earnings as stipulated in s 28A of the Civil Law Act 1956 ('the Act') was 16 years. Pursuant to s 28A(ii)(c) of the Act, there was no difference between pre-trial loss of earnings and post-trial loss of earnings. As such, since the sessions court judge had already awarded actual loss of earnings for a period of 18 months, the plaintiff's future loss of earnings should at most be calculated based on 14 years instead of 16 years. As such, the decision of the sessions court judge in awarding future loss of earnings for a period of 16 years was erroneous and the defendant's appeal on this point was accordingly allowed (see pp 571G–572C).

(5) The trial judge failed to give proper judicial evaluation to all the evidence in this case. In the instant case, the plaintiff testified that he was paid a sum of RM400 for six days of work at his father's farm. Under the circumstances, the plaintiff had failed to take reasonable steps to mitigate his losses. Accordingly, the appropriate period to be used in calculating the plaintiff's future loss of earnings should be lowered to ten years. Since the defendant's counsel did not raise the issue regarding 'living expenses' as provided under s 28A(2)(c)(iii) of the Act, 'living expenses' would not be taken into account in calculating the plaintiff's future loss of earnings (see pp 573H–574C).

(6) The plaintiff's claim for future loss of earnings fell within a claim for general damages and not special damages and as such, there was no necessity for the same to be pleaded by the plaintiff. However, it would be preferable for particulars of the plaintiff's claim to be pleaded so that the defendant would not be caught by surprise (see p 574E–F).

(7) Following the Court of Appeal's unreported decision of *Tan Phaik See (mother of Tan Hock San, deceased) & Anor v Chuah Seng Boon*, a one-third deduction should not be made in respect of the future loss of earnings award in order to take into account other vicissitudes of life and the fact that payment was made in one lump sum (see p 576D–E).

(8) Although the sum of RM54,000 awarded by the sessions court for general damages for pain and suffering an loss of amenities can be regarded as generous, considering the injuries sustained by the plaintiff and his disabilities, the award was not manifestly excessively (see p 578A–C).

(9) A judicial officer should only record that which had truly transpired at the trial. In respect of the first complaint, the plaintiff's counsel admitted that contrary to the record made in the sessions court judge's notes of proceedings, the defendant's counsel in fact did not agree to the 16-year period. Accordingly, in this appeal, no regard was given to the alleged agreement by the defendant's counsel. In respect of the second complaint, the sessions court judge should allow the defendant's counsel to make

his submission regarding the damages claimed before making a decision on the matter (see pp 579I–580B, 582D).] A

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penaksiran ganti rugi am, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan 385. B

Kes-kes yang dirujuk

Alloy Automative Sdn Bhd v Perusahaan Ironfield Sdn Bhd [1986] 1 MLJ 382 (diikut)
Balakrishnan s/o Kunjamboo Nair v Savastine Anthony s/o Francis [1991] 1 CLJ 503 (dirujuk) C
British Transport Commission v Gourley [1956] AC 185 (diikut)
Chan Chin Ming & Anor v Lim Yoke Eng [1994] 3 MLJ 233 (dibeza)
Chan Wai Tong & Anor v Lim Yoke Eng [1994] 3 MLJ 233 (dibeza)
Chang Chong Foo & Anor v Shivanathan [1992] 2 MLJ 473 (dirujuk) D
Chu Kim Sing & Anor v Abdul Razak bin Amin [1999] 6 MLJ 433 (tidak diikut)
Dirkje Peiternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors [1990] 3 MLJ 103 (dirujuk)
Fairley v John Thompson (Design & Contracting Division) Ltd [1973] 2 Lloyd's Rep 40 (dirujuk) E
Har Pushad v Shoe Dyal [1976] LR 3 IA 25 (dirujuk)
Kow Ah Dek & Anor v K Ratnasingam [1981] 2 MLJ 24 (diikut)
Kumaraendran, Re, An Advocate & Solicitor [1975] 2 MLJ 45 (dirujuk)
Loo Pang v Ng Chye [1974] 2 MLJ 193 (dirujuk)
Marappan & Anor v Siti Rahmah bte Ibrahim [1990] 1 MLJ 99 (diikut) F
Mariam binti Mansor v JD Peter [1975] 1 MLJ 279 (diikut)
Moeliker v A Reyrolle & Co Ltd [1997] 1 WLR 132 (dirujuk)
Multar v Lim Kim Chet & Anor [1982] 1 MLJ 184 (dirujuk)
Murugan v Lew Chu Cheong [1980] 2 MLJ 139 (diikut)
Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30 (diikut) G
Pang Ah Chee v Chong Kwee Sang [1985] 1 MLJ 153 (dibeza)
Payremalu a/l Veerapan v Dr Amarjeet Kaur & Ors [2001] 3 MLJ 725 (diikut)
Pekan Nenas Industries Sdn Bhd v Chang Ching Chuen & Ors [1998] 1 MLJ 465 (dirujuk)
Pembangunan Maha Murni Sdn Bhd v Jururus Ladang Sdn Bhd [1986] H 2 MLJ 30 (diikut)
Phuah Jee Suan v Nila Vasu Pillai [1972] 1 MLJ 202 (diikut)
Pie Bin Chin v PP [1985] 1 MLJ 234 (diikut)
PP v H Chamras Tasaso [1975] 2 MLJ 44 (dirujuk)
PP v Wong Yee Sen & Ors [1990] 1 MLJ 187 (dirujuk)
Sam Wun Hoong v Kader Ibramshah [1981] 1 MLJ 295 (diikut) I
Takong Tabari v Government of Sarawak & Ors and another appeal [1998] 4 CLJ 589 (dibeza)

Tan Phaik See (mother of Tan Hock San, deceased) & Anor v Chuah Seng Boon Civil Appeal No P04–14 of 1996 (unreported) (diikut)
Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Hj Ahmad [1985] 1 MLJ 50 (diikut)
Tengku Mahmood v PP [1974] 1 MLJ 110 (dirujuk)
Teah Cheng Gow v Elias bin Abdul Ghani Rayuan Sivil No R2–12–118–97, Mahkamah Tinggi (dibeza)
Thrimalai & Anor v Mohamed Masry bin Tukimin [1987] 1 MLJ 153 (diikut)
Topaiwah v Salleh [1968] 1 MLJ 284 (dirujuk)
Yoong Leok Kee Corp Sdn Bhd v Chin Thong Thai [1981] 2 MLJ 21 (diikut)
Yuill v Yuill [1945] 1 All ER 183 (dirujuk)

Undang-Undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 56, 57, 114(g)
Akta Undang-Undang Sivil 1956 ss 7(3)(iv)(d), 28A

PS Imavathy (*Othman Hashim & Co*) bagi pihak perayu-perayu.
S Subramaniam (*Manjit Subra & Assoc*) bagi pihak responden.

VT Singham PK: Di dalam rayuan ini, mahkamah ini berpendapat bahawa ada enam isu yang dibangkitkan oleh peguam perayu-perayu tentang kuantum terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen dan satu isu dibangkitkan oleh peguam responden melalui rayuan balas tentang amaun award bagi kehilangan pendapatan pada masa hadapan. Peguam bagi perayu-perayu juga telah kemukakan tiga aduan terhadap hakim Mahkamah Sesyen Taiping pada masa itu tentang apa yang berlaku di dalam perbicaraan di mahkamah sesyen. Untuk rayuan ini, perayu-perayu dirujuk sebagai defendan-defendan dan responden sebagai plaintif.

Keenam-enam isu tentang kuantum bagi defendan-defendan adalah tentang perkara-perkara seperti berikut:

(1) berapakah kehilangan pendapatan sebenarnya (actual loss of earnings) untuk plaintif;

(2) berapakah kehilangan pendapatan pada masa hadapan (future loss of earnings) untuk plaintif;

(3) sama ada tempoh selama 16 tahun untuk kehilangan pendapatan pada masa hadapan seperti dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen boleh dikekalkan dan sah disegi undang-undang;

(4) sama ada tuntutan bagi kehilangan pendapatan pada masa hadapan harus diplidkan sebelum seseorang plaintif berhak mendapat award untuk tuntutan itu;

(5) sama ada $^1/_3$ harus dipotong di atas tempoh bagi tuntutan kehilangan pendapatan pada masa hadapan di atas alasan dan selepas ambil kira kontingensi dan pembayaran sekaligus (lump sum payment);

(6) ganti rugi am — sama ada award yang dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen bagi kecederaan, iaitu untuk *pain and suffering and loss of amenities* harus dikurangkan atau dikekalkan.

Isu pertama

Tuntutan di atas kehilangan pendapatan sebenarnya (actual loss of earnings) bagi plaintif.

Mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan-keterangan plaintif (iaitu SP2), SP3 (bapa kepada SP2), SP4 dan SP5 rakan-rakan sekerja plaintif bahawa plaintif ada bekerja sebagai pemandu lori di Bukit Merah pada masa berkenaan langsung tidak dicabar oleh peguam defendan-defendan di mahkamah sesyen. Amaun pendapatan plaintif juga langsung tidak dicabar oleh peguam defendan-defendan.

Apa yang berlaku di dalam mahkamah sesyen dengan segala hormataya adalah peguam defendan-defendan hanya menjalankan pemeriksaan balas seperti biasa bagi plaintif (SP2), SP3, SP4 dan SP5 tanpa sebarang cabaran di mana jawapan saksi-saksi tersebut yang diperolehi melalui pemeriksaan balas telah diulangi, meningkat dan menyokong keterangan plaintif seperti di pemeriksaan utama bahawa beliau ada bekerja di Bukit Merah dan beliau ada menerima pendapatan pada tarikh berkenaan. Dengan keterangan seperti itu, peguam defendan-defendan tidak boleh salahkan sesiapa pun sekiranya hakim mahkamah sesyen telah menerima keterangan-keterangan itu bahawa plaintif ada bekerja di Bukit Merah dan menerima pendapatan pada masa itu.

Plaintif juga telah memberi penjelasan dan sebab-sebab kenapa beliau tidak dapat mengemukakan sebarang bukti untuk menyokong keterangan beliau seperti dokumen atau memanggil majikannya ke mahkamah. Dengan keterangan itu, dan dengan segala hormatnya, mahkamah ini tidak dapat menerima aduan dan hujahan peguam defendan-defendan bahawa plaintif gagal membuktikan bahawa beliau ada bekerja dan menerima pendapatan pada masa berkenaan. Seterusnya dan hujahan peguam defendan-defendan bahawa s 114g Akta Keterangan 1950 harus dibangkitkan terhadap plaintif harus ditolak walaupun majikan tidak dipanggil kerana penjelasan dan sebab-sebab telah diberi oleh plaintif kenapa majikan tidak dapat dipanggil dan alasan/penjelasan yang diberi oleh plaintif tidak dicabar oleh defendan-defendan (lihat *Murugan v Lew Chu Cheong* [1980] 2 MLJ 139 dan *Pekan Nenas Industries Sdn Bhd v Chang Ching Chuen & Ors* [1998] 1 MLJ 465 di ms 519). Oleh itu, keterangan plaintif bahawa beliau ada kerja di Bukit Merah dan ada menerima pendapatan pada masa material tidak boleh ditepikan dan mahkamah perbicaraan harus menerima keterangan itu sebagai keterangan yang benar dan di mana langsung tidak dicabar.

Seterusnya, dukacita untuk menyatakan bahawa peguam defendan-defendan gagal mencabar keterangan plaintif tentang pendapatan beliau melainkan memeriksa plaintif sama ada beliau mempunyai buktinya. Peguam defendan-defendan tidak mencabar atau mencadangkan kepada plaintif bahawa:

A (1) plaintif tidak bekerja di Bukit Merah sebagai pemandu lori dan tentang jenis kerjanya;

(2) plaintif tidak dicabar bahawa sekiranya beliau ada bekerja di Bukit Merah, pendapatan beliau adalah tidak tertentu dan bukan RM1,500 sebulan seperti yang dituntut dan beliau sebenarnya tidak bekerja tiap-tiap hari;

B

(3) plaintif tidak dicabar bahawa beliau memberi keterangan tentang bekerja dan pendapatan beliau hanya untuk membuat tuntutan ini terhadap defendan-defendan walaupun beliau tidak bekerja di Bukit Merah dan seterusnya beliau tidak ada pendapatan seperti dituntut dan bahawa keterangan beliau di mahkamah tentang pekerjaan adalah tidak benar dan satu rekaan.

C

Keterangan SP4 dan SP5 juga tidak dicabar bahawa mereka juga tidak bekerja di Bukit Merah pada masa berkenaan dan mereka langsung tidak bekerja dengan plaintif di tempat yang sama pada masa itu seperti yang dikatakan oleh kedua-dua saksi tersebut. Pemeriksaan balas dan cadangan D kepada SP5 bahawa keterangan beliau adalah untuk menolong plaintif dengan memberitahu mahkamah beliau bekerja di Bukit Merah, bukan semestinya dan ini bukan bermakna bahawa tujuan keterangan itu adalah dengan niat yang tidak baik atau SP5 memberi keterangan yang palsu kerana tidak ada sebarang pencabaran spesifik yang dikemukakan kepada SP5. Pemeriksaan balas dan jawapan yang diperolehi di atas pemeriksaan E balas tentang perkara itu nampaknya adalah cara am dan bukan cara spesifik dan tidak timbul sebarang keraguan di atas keterangan SP5 untuk diterima dengan was-was. Dengan keterangan seperti itu, mahkamah tidak ada alasan yang kukuh untuk menolak keterangan SP4 dan SP5 bahawa plaintif ada kerja di Bukit Merah pada masa itu dan menerima pendapatan F yang tertentu melainkan plaintif tidak membuktikan berapakah pendapatannya. Oleh itu, keputusan mahkamah sesyen untuk menerima keterangan plaintif, SP4 dan SP5 tentang pekerjaan dan pendapatan plaintif harus diterima dan tidak boleh ditepikan.

Juga, mahkamah ini ingin menyatakan bahawa sekiranya defendan-defendan ingin supaya mahkamah perbicaraan tidak terima keterangan G plaintif dan saksi-saksinya sebagai keterangan yang sebenarnya, defendan-defendan seharusnya mencabar dengan cara spesifik keterangan saksi-saksi tersebut melalui pemeriksaan balas dan bukan mencabar melalui hujah-hujah (lihat *Pie Bin Chin v PP* [1985] 1 MLJ 234, 236, *Alloy Automotive Sdn Bhd v Perusahaan Ironfield Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 382). Untuk tujuan H pemeriksaan balas seorang saksi oleh pihak penentang (lihat *PP v Wong Yee Sen & Ors* [1990] 1 MLJ 187 di ms 189).

Seterusnya dan sebaliknya, soalan yang boleh ditimbul di dalam keadaan ini adalah, sama ada plaintif sendiri telah membuktikan berapakah jumlah pendapatannya dan sama ada beliau ada menerima sebanyak RM1,500 sebulan sebagai pendapatan seperti yang dituntut. Tentang isu I ini, mahkamah ini berpendapat bahawa plaintif telah gagal untuk mengemukakan bukti yang kukuh bagi menyokong jumlah pendapatan beliau adalah RM1,500 sebulan pada masa itu dan beliau ada bekerja

selama 25 hari sebulan. Mahkamah ini berpendapat bahawa jumlah pendapatan sebenarnya tidak dapat dibuktikan oleh plaintif di atas barangkalian kerana keterangan plaintif sendiri menunjuk bahawa beliau mula bekerja pada 1 Januari 1996 dan kemalangan berlaku pada 24 November 1996 dan hujung minggu beliau hanya bekerja lebih masa sekiranya tidak ada masalah di rumah. Seterusnya, dengan keterangan plaintif itu sendiri, mahkamah berpendapat bahawa keterangan plaintif bahawa beliau menerima RM1,500 sebulan dan beliau bekerja selama 25 hari sebulan tidak boleh diterima kerana ini tidak dibuktikan dengan kukuh. Walau bagaimanapun, hakim mahkamah sesyen telah menaksir dan membenarkan sebanyak RM1,000 sebulan untuk taksiran kehilangan pendapatan sebenarnya, iaitu sebagai gantirugi khas walaupun gantirugi khas harus dibuktikan dengan kukuh dan di atas barangkalian (lihat *Thrimalai & Anor v Mohamed Masry bin Tukimin* [1987] 1 MLJ 153). Walau bagaimanapun, mahkamah ini tidak ingin masuk campur keputusan itu di mana keterangan plaintif, SP4 dan SP5 tidak dicabarkan oleh peguam defendan-defendan.

Oleh itu, hujahan peguam defendan-defendan bahawa pekerjaan dan pendapatan plaintif tidak dibuktikan adalah tidak berasas, tanpa merit dan harus ditolak. Mahkamah Rayuan ini hanya boleh berikat kepada nota-nota keterangan yang dirakamkan di rekod rayuan dan keputusan Mahkamah Rayuan ini adalah hanya berdasarkan kepada nota-nota tersebut. Walaupun rayuan ini dikatakan seperti pendengan semula tetapi ini bukan bermakna rehearing bagi isu-isu tetapi rehearing di atas nota-nota yang dicatit di rekod rayuan. Walau bagaimanapun, mahkamah ini mendapati bahawa pendapat atau keputusan yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen tentang kredibiliti atau demeanour bagi SP4 dan SP5 adalah di peringkat separuh bicara dan sebelum keseluruhan kes ditutup oleh kedua-dua pihak di dalam kes ini. Mahkamah ini tidak galakkan keputusan seperti itu dan ini adalah bertentangan dengan prinsip undang-undang. Perhatian (*observation*) hakim mahkamah sesyen bahawa SP4 dan SP5 '*in answers questions to the point and did not waive in their answers*' diseparuh bicara, boleh ditentukan pada masa saksi-saksi memberi keterangan atau selepas saja saksi-saksi iaitu SP4 dan SP5 selesai memberi keterangan di dalam kes ini tetapi pendapat hakim mahkamah sesyen bahawa '*they appear to be witnesses of truth*' tidak boleh diputuskan pada peringkat separuh perbicaraan dan pada masa atau di peringkat SP4 dan SP5 masih memberi keterangan seperti yang dilakukan oleh hakim mahkamah sesyen (lihat *Yuill v Yuill* [1945] 1 All ER 183 dan *Tengku Mahmood v PP* [1974] 1 MLJ 110).

Di atas persetujuan oleh kedua-dua peguam bahawa tempoh kehilangan pendapatan sebenarnya pada masa itu adalah 18 bulan, hakim mahkamah sesyen telah pun merakamkan tempohnya adalah 18 bulan dan dapati kehilangan pendapatan adalah sebanyak RM1,000 sebulan dan ini adalah berdasarkan pada keterangan-keterangan tersebut yang tidak dicabarkan dan tentang jenis kerja plaintif pada masa itu.

Di atas itu, mahkamah ini tidak ingin masuk campur di atas award itu, iaitu tempoh 18 bulan di atas pendapatan RM1,000 sebulan yang memberi berjumlah RM18,000 bagi kehilangan pendapatan sebenarnya atau (actual

A loss of earnings). Oleh itu, rayuan oleh defendan-defendan di atas tuntutan tersebut itu ditolak.

Isu kedua

B Tuntutan kehilangan pendapatan pada masa hadapan atau (future loss of earnings)

Mahkamah ini berpendapat bahawa award sebanyak RM300 sebulan untuk kehilangan pendapatan pada masa hadapan bagi plaintif adalah munasabah dan patut berdasarkan pada keterangan-keterangan dan di atas fakta-fakta
C di dalam kes ini. Dengan itu, mahkamah ini tidak ingin masuk campur di atas amaun award itu. Mahkamah berpendapat bahawa award itu yang dibenarkan juga boleh dikatakan atau ada kaitan tentang ketidakcabaran oleh peguam defendan-defendan tentang pekerjaan dan pendapatan plaintif pada masa berkenaan (lihat *Alloy Automotive Sdn Bhd v Perusahaan Ironfield Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 382 di ms 385).

D Oleh itu, rayuan oleh defendan-defendan terhadap amaun award sebanyak RM300 sebulan yang dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen untuk kehilangan pendapatan pada masa hadapan ditolak. Juga adalah sesuai pada masa ini untuk menyatakan bahawa rayuan balas oleh plaintif di atas amaun itu juga ditolak dan alasan-alasan adalah dicatit di bawah
E tajuk isu ketiga yang boleh memberi gambaran kenapa rayuan balas oleh plaintif ditolak.

Isu ketiga

Sama ada tempoh selama 16 tahun untuk kehilangan pendapatan pada masa
F hadapan seperti dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen boleh dikekalkan.

Walau bagaimanapun, di atas rujukan perkara yang sama dan berkaitan dengan isu kedua di atas, perkara yang dibangkit adalah, sama ada tempoh selama 16 tahun bagi tuntutan kehilangan pendapatan pada masa hadapan seperti yang ditaksirkan oleh hakim mahkamah sesyen di mana
G membenarkan jumlah $17^1/_2$ tahun boleh dikekalkan di segi undang-undang dan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Akta tersebut'). Mahkamah ini berpendapat bahawa tempoh berjumlah $17^1/_2$ tahun seperti yang diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen adalah bertentangan dengan peruntukkan di bawah s 28A Akta tersebut dan kesilapan ini juga disetujui
H oleh peguam plaintif sendiri di peringkat rayuan ini bahawa tempoh 16 tahun yang diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen untuk kehilangan pendapatan pada masa hadapan selepas mengawardkan 18 bulan bagi kehilangan pendapatan yang sebenarnya adalah tidak betul dan tidak boleh disokong dan dikekalkan.

Seperti yang kedua-dua peguam lebih ketahui tempoh yang dibenarkan
I di bawah s 28A Akta tersebut bagi kehilangan pendapatan pada masa hadapan adalah maksimum 16 tahun. Oleh kerana hakim mahkamah sesyen telah mengawardkan selama $14^1/_2$ tahun untuk kehilangan

pendapatan sebenarnya (actual loss of earnings), tempoh baki adalah hanya $14^1/_2$ tahun sahaja dan bukan 16 tahun seperti yang diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen. Sekiranya, Mahkamah Rayuan ini mengekalkan keputusan itu mahkamah itu berpendapat bahawa ini akan memberi makna bahawa peruntukkan di bawah s 28A Akta tersebut memberi tempoh selama $17^1/_2$ tahun untuk tuntutan tersebut di mana ini adalah tidak benar sama sekali. Walau bagaimanapun, ini adalah satu kesilapan yang besar dan kurang tanggungjawab oleh seorang hakim mahkamah sesyen.

Mahkamah ini berpendapat bahawa undang-undang tentang kehilangan pendapatan pada masa hadapan dengan jelas menyatakan di bawah s 28A Akta tersebut bahawa tempoh maksimum untuk kehilangan pendapatan pada masa hadapan adalah 16 tahun dan ini harus diketahui oleh seorang hakim mahkamah sesyen. Adalah penting untuk dinyatakan disini bahawa di dalam s 28A(ii)(c) Akta tersebut tidak ada bezakan di antara kehilangan pendapatan sebelum perbicaraan (pre trial loss of earnings) dan selepas perbicaraan (post trial loss of earnings). Oleh itu, mahkamah mendapati bahawa tempoh kehilangan pendapatan di masa hadapan harus diambil kira daripada tarikh bila plaintif atau penuntut (claimant) mengalami kecederaan, iaitu tarikh kemalangan atau pun tarikh kecederaan dan award bagi kehilangan pendapatan di masa hadapan adalah dibenarkan di bawah s 28A(ii)(iii) Akta tersebut (lihat *Dirkje Peiternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors* [1990] 3 MLJ 103).

Dengan itu, award untuk jumlah tempoh $17^1/_2$ tahun adalah melampaui undang-undang, 'erroneous' dan boleh dikatakan seperti 'aberrant' dan tidak boleh dikekalkan dan harus ditepikan dan kesilapan itu yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen dipersetujui oleh peguam plaintif. Tempoh 16 tahun yang dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen adalah satu kesilapan undang-undang dan di atas fakta kes ini dan harus ditepikan dan digantikan dengan tempoh yang sepatutnya, munasabah dan sesuai berdasarkan kepada keterangan-keterangan, fakta-fakta kes ini dan mengikut penmtukkan di bawah s 28A(2)(d)(i) Akta tersebut. Walau bagaimanapun, mahkamah mi berpendapat bahawa keputusan bagi menaksirkan tempoh dan amaun adalah satu taksiran yang perlu menggunakan budi bicara dengan kehakiman di atas faktor-faktor dan keterangan yang kukuh bagi setiap satu kes supaya satu award yang benarnya dapat diberi kepada seorang plaintif untuk tuntutan kehilangan pendapatan pada masa hadapan dan bukan sesuka hati oleh seseorang hakim mahkamah sesyen ataupun seseorang Majistret (lihat *Moeliker v A Reyrolle & Co Ltd* [1997] 1 WLR 132 dan kes *Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30).

Di dalam kes ini, apabila hakim mahkamah sesyen telah mengawardkan sejumlah tempoh $17^1/_2$ tahun kepada kehilangan pendapatan, mahkamah ini berpendapat bahawa beliau telah memasukkan atau menambah perkataan di dalam peruntukkan statutori di bawah s 28A Akta tersebut dan telah melampaui kuasanya. Mahkamah ingin menyatakan bahawa bukanlah tugas mahkamah untuk menggantikan perkataan yang ditulis dan dibuat oleh Parlimen di Akta tersebut.

Mahkamah ini juga berpendapat bahawa tidak ada sebarang keterangan daripada kedua-dua lapuran pakar perubatan seperti di Rekod Rayuan Tambahan 2 Lampiran 27 bahawa plaintif tidak boleh kerja sebagai pemandu lori atau tidak boleh balik kerja semula sebagai seorang pemandu lori. Sebaliknya, ada keterangan daripada pakar perubatan bagi plaintif sendiri yang berkata '*He would be better of with right lower limb amputated above the knee and use a prosthesis. This, would allow him to walk without any aid and be able to bend the knee so that he can drive a car and be gainfully employed and in the process making him have afeeling of self worth*'.

Juga, dalam pemeriksaan utama, plaintif sendiri berkata bahawa '*dengan kecederaan saya, saya boleh memandu lori tetapi kaki saya selalu jadi kebas*'. Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa pendapat pakar perubatan yang dilantik oleh peguam plaintif tentang isu itu tidak disetujui oleh pakar perubatan yang dilantik bagi defendan-defendan di mana pakar perubatan tersebut berkata '*I have seen the report by Dr T Moses from Taiping Medical Centre who expressed the opinion that the patient will be better off with amputation above the knee. This appears rather drastic. I discussed it with the patient who rejected the suggestion. It is better accepting the present disability than amputating the leg, although the restriction of movements and the discomfort especially at the knee are considerable*'.

Walaupun tidak boleh dinafikan bahawa kecederaan plaintif adalah serius tetapi ini bukan bermakna bahawa pendapatan plaintif mesti dan akan dikurangkan sebanyak RM300 sebulan selama-lama dan seterusnya selama $14^1/_2$ tahun. Seperti yang dinyatakan di atas, keterangan pakar perubatan langsung tidak membantu keadaan plaintif tentang pekerjaan beliau dan Mahkamah Rayuan ini atau mahkamah perbicaraan tidak boleh ambil perhatian melalui Judicial Notice tempoh dan pendapatan beliau dikurangkan pada tempoh yang tertentu kerana perkara ini tidak dijatuhkan di bawah s 56 dan dibaca bersama dengan s 57 Akta Keterangan 1950. Juga, mahkamah ini atau mahkamah perbicaraan tidak boleh membuat ssrtu spekulasi tentang tempoh itu atau mengambil perhatian maklumat atau pengetahuan persendirian apabila membuat keputusan melainkan berdasarkan kepada keterangan yang kukuh. (lihat *Pembangunan Maha Murni Sdn Bhd v Jururus Ladang Sdn Bhd* [1986] 2 MLJ 30 di ms 32, *Har Pushad v Shoe Dyal* [1976] LR3 1A 25). Mahkamah perbicaraan harus membezakan *Pang Ah Chee v Chong Kwee Sang* [1985] 1 MLJ 153 di ms 156 dan *Balakrishnan s/o Kunjamboo Nair v Savastine Anthony S/o Francis* [1991] 1 CLJ 503 di ms 506). Oleh itu, award selama tempuh $14^1/_2$ tahun tidak boleh dikekalkan dan harus ditepikan.

Oleh itu, dengan dukacita, mahkamah ini berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen tidak membuat penemuan dengan kehakiman, iaitu (no proper judicial evaluation or appreciation) di atas keseluruhan keterangan bagi perkara ini. Oleh demikian, dan selepas meneliti keseluruhan keterangan di atas perkara ini, dan selepas ambil kira keterangan plaintif bahawa beliau bekerja selama enam hari sebulan sahaja dengan bapanya di Ladang kelapa sawit dan gaji RM400 adalah untuk kerja enam hari, mahkamah ini berpendapat bahawa plaintif tidak mengambil langkah-

langkah yang mencukupi, sewajarnya dan munasabah untuk mengurangkan (mitigate) kerugian beliau (lihat *Yoong Leok Kee Corporation Sdn Bhd v Chin Thong Thai* [1981] 2 MLJ 21 di 23). A

Oleh itu, dan oleh kerana hakim mahkamah sesyen tidak menggunakan budi bicara dengan kehakiman dan gagal mengambil kira dengan betui isu bahawa plaintif gagal untuk mitigasi kerugian itu, mahkamah ini berpendapat bahawa tempoh yang sesuai dan patut di atas keseluruhan keterangan adalah sepuluh tahun. Dengan RM300 sebulan dan tempoh selama sepuluh tahun ianya memberi berjumlah RM36,000 tanpa faedah dan ini adalah untuk kehilangan pendapatan pada masa hadapan (future loss of earnings). Oleh kerana peguam defendan-defendan langsung tidak bangkit perkara 'living expenses' seperti peruntukkan di bawah s 28A(2)(c)(iii) Akta tersebut di dalam perbicaraan di mahkamah sesyen, pada semasa pemeriksaan balas plaintif, mahkamah ini tidak ambil kira 'living expenses' tersebut tanpa bukti atau persetujuan atau pengakuan (lihat *Marappan & Anor v Siti Rahmah bte Ibrahim* [1990] 1 MLJ 99 dan *Chang Chong Foo & Anor v Shivanathan* [1992] 2 MLJ 473). B C D

Isu keempat

Sama ada tuntutan bagi kehilangan pendapatan pada masa hadapan harus diplidkan untuk berhak award E

Mahkamah ini berpendapat bahawa tuntutan kehilangan pendapatan pada masa hadapan adalah ganti rugi am dan bukan ganti rugi khas dan tidak perlu diplidkan oleh seorang plaintif untuk berhak mendapat ganti rugi itu. Walau bagaimanapun, 'mahkamah ini berpendapat bahawa adalah lebih wajar dan praktikal sekiranya butir-butir tuntutan itu dapat diplidkan supaya pihak penentang dapat tahu terlebih awal apakah dan berapakah tuntutan plaintif dan supaya penentang tidak diperangkap di dalam keadaan terkejut (lihat *Chan Wai Tong And Anor v Li Ping Sum* [1985] 2 WLR 396 Privy Council). Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna bahawa sekiranya seorang plaintif tidak plidkan butir-butir tuntutan kehilangan pendapatan pada masa hadapan, beliau tidak berhak untuk dibenarkan ganti rugi bagi tuntutan itu seperti yang dihujah oleh peguam defendan-defendan (lihat *Sam Wun Hoong v Kader Ibramshah* [1981] 1 MLJ 295 dan *Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30). Walau bagaimanapun, seperti yang dikatakan di atas adalah lebih wajar sekiranya peguam plaintif memplidkan tuntutan tersebut di dalam pernyataan tuntutan plaintif supaya peguam defendan-defendan dapat menasihatkan syarikat insuran kenderaan defendan-defendan atau pelanggan-pelanggan atau anak guamnya dan ini akan membuka peluang supaya dan ada kemungkinan tuntutan itu dapat diselesaikan. Sekiranya, tuntutan ini tidak diplidkan bagaimana peguam defendan-defendan dapat mencabarkan plaintif semasa beliau memberi keterangan dan ini akan membawa ketidakadilan. Oleh itu, adalah lebih wajar sekiranya amaun dan tempoh kehilangan untuk tuntutan tersebut dapat diplidkan supaya defendan-defendan atau penentang dapat tahu terlebih awal apakah dan berapakah tuntutan plaintif. F G H I

A Walau bagaimanapun, mengikut kes-kes seperti yang dinyatakan di atas, hujahan peguam defendan-defendan bahawa plaintiftidak berhak untuk dibenarkan kehilangan pendapatan pada masa hadapan tidak boleh diterima dan terpaksa ditolak.

B *Isu Kelima*

Sama ada mahkamah harus ambil kira contingencies vicissitudes of life and accelerated payment dan potongan $^1/_3$ di atas tuntutan kehilangan pendapatan pada masa hadapan

C Mahkamah ini berpendapat bahawa walaupun kes *Takong Tabari v Government Of Sarawak & Ors & Anor App* [1998] 4 CLJ 589 adalah keputusan Mahkamah Rayuan dan harus diikuti oleh mahkamah ini di atas binding precedent, mahkamah ini berpendapat bahawa fakta-fakta keputusan itu boleh dibezakan atau dibandingkan dengan fakta-fakta kes di hadapan mahkamah ini dengan fakta-fakta kes itu. Walau bagaimanapun, D mahkamah ini ada pilihan untuk mengikuti keputusan Mahkamah Rayuan oleh panel Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan yang lain tentang isu ini (lihat Rayuan Sivil No P04–14–96 (koram YA Gopal Sri Ram HMR, Ahmad Fairuz HMR (pada masa itu) dan Mokhtar Sidin HMR). Di dalam fakta-fakta kes *Takong Tabari*, fakta-fakta adalah penuntut adalah waris-waris simati (*dependency claim*) dan peruntukkan yang berkaitan adalah E s 7(3)(iv)(d) Akta tersebut manakala kes di hadapan mahkamah ini, plaintif adalah seorang yang masih hidup dan tuntutan adalah untuk kecederaan, *pain and suffering and loss of amenities* di bawah s 28A Akta tersebut. Juga, plaintif berumur 24 tahun pada masa kemalangan berlaku dan 27 tahun pada masa memberi keterangan dan tidak ada keterangan sebaliknya bahawa kesihatan beliau adalah tidak sihat dan beliau tidak dapat F meneruskan dengan kerja itu atau apa-apa kerja sebaliknya.

Seksyen 28A(2)(c)(i) Akta tersebut dengan jelas berkata bahawa seorang penuntut berhak ganti rugi untuk kehilangan pendapatan pada masa hadapan dan Mahkamah perlu ambil kira:

G (1) bahawa plaintif belum mencapai 55 tahun pada masa beliau mengalami kecederaan;

(2) bahawa plaintif adalah dalam kesihatan baik; dan

(3) bahawa plaintif sedang menerima pendapatan sama ada kerja sendiri atau aktiviti keuntungan yang lain.

H Bezaan adalah:

(1) di kes *Takong Tabari*, tuntutan adalah oleh waris untuk ganti rugi tentang kematian simati;

(2) taksiran ganti rugi adalah untuk kehilangan pendapatan bagi penanggung-penanggung (dependants);

I (3) waris-waris yang menuntut akan menjadi dewasa dan tidak mungkin akan menjadi lagi sebagai penanggung-penanggung (dependants) bagi simati sekiranya beliau hidup manakala kes di hadapan mahkamah ini,

plaintif-penuntut adalah seorang yang mencedera dan tuntutan adalah bagi pihak beliau sendiri: A

(4) taksiran yang maksud di dalam kes ini adalah untuk kehilangan pendapatan pada masa hadapan bagi plaintif sendiri dan bukan untuk penanggung-penanggung (dependants) seperti di dalam sesuatu tuntutan yang diakibat di atas kematian seseorang; B

(5) tidak ada keterangan bahawa plaintif di dalam rayuan ini tidak akan hidup selama umur 55 tahun.

Oleh itu, dan dengan segala hormatnya kepada kedua-dua kes yang dirujuk, iaitu *Chan Chin Ming & Anor v Lim Yok Eng* [1994] 3 MLJ 233 dan *Takong Tabari v Government of Sarawak & Ors and another appeal* [1998] 4 CLJ 589. C Mahkamah ini berpendapat faktor-faktor di dalam kes-kes itu harus dibezakan dengan faktor-faktor kes ini. Juga kes *Teah Cheng Gow v Elias bin Abdul Ghani* keputusan Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur, lihat Rayuan Sivil No R2–12–118–97 yang tidak dilapurkan adalah tuntutan oleh penanggung-penanggung (dependants) di atas kematian simati dan harus D dibezakan di atas fakta-fakta seperti di atas dan tidak diikuti. Berikutnya, mahkamah ini tidak ingin potong atau kurangkan $^1/_3$ bagi tuntutan kehilangan pendapatan pada masa hadapan untuk tuntutan plaintif seperti yang dihujah oleh peguam defendan-defendan, dan di atas bezaan-bezaan fakta-fakta tersebut dan seperti di peruntukkan di bawah s 28A Akta tersebut. Oleh itu, hujahan peguam defendan-defendan untuk potongan $^1/_3$ E di atas tuntutan kehilangan pendapatan bagi tuntutan plaintif harus ditolak. Juga, dan selepas penyelidikan dibuat, mahkamah ini mendapati bahawa Mahkamah Rayuan iaitu koram yang lain (koram Gopal Sri Ram HMR, Ahmad Fairuz HMR (pada masa itu) dan Mokhtar Sidin HMR, lihat Rayuan Sivil No P04–14–96) pada 8 September 1999 telah memutuskan bahawa tempoh multiplier yang perayu/plaintif berhak diakui 16 tahun dan F melalui implikasi dan ini dapat memberi makna bahawa tidak ada sebarang potongan $^1/_3$ di atas tuntutan kehilangan pendapatan seperti yang diputuskan di kes *Takong Tabari*. Oleh itu dan dengan segala hormatnya, mahkamah ini bebas untuk mengikuti keputusan Mahkamah Rayuan di Rayuan Sivil No P04–14–96 yang membuat keputusan selepas keputusan G di kes *Takong Tabari* dilapurkan. Untuk melihat terma-terma perintah Mahkamah Rayuan yang bertarikh 8 September 1999, Mahkamah ini ingin mencatitkan perintah itu dengan penuh seperti berikut:

(Dalam Mahkamah Tinggi Pulau Pinang melalui Rayuan Sivil No 12–164 Tahun 1994) H

Antara

1 Tan Phaik See
(Ibu kepada Tan Hock San (simati)
membawa tindakan ini bagi pihak dependan I
Tan Hock San (simati) danjuga menuntut
bereavemen) ... Perayu

2 Tan Cheng Gek
(Ibu kepada Ng Chin Chai (simati)
membawa tindakan ini bagi pihak dependan
Ng Chin Chai (simati) dan juga menuntut
bereavemen)

Dan

Chuah Seng Boon ...Responden

KORAM

YANG ARIF DATO GOPAL SRI RAM, HAKIM MAHKAMAH RAYUAN

YANG ARIF DATO AHMAD FAIRUZ BIN DATO SHEIKH ABDUL HALIM, HAKIM MAHKAMAH RAYUAN

YANG ARIF DATUK HAJI MOKHTAR BIN HAJI SIDIN, HAKIM MAHKAMAH RAYUAN

DALAM MAHKAMAH TERBUKA
PADA 8HB SEPTEMBER, 1999

PERINTAH

RAYUAN INI ditetapkan untuk perbicaraan pada hari ini dengan kehadiran Encik Baldev Bhar (bersama – sama dengan Encik DP Rajah) peguam bagi Pihak Perayu dan Encik VK Desaratharaj, peguam bagi pihak respondan DAN SETELAH MEMBACA REKOD RAYUAN yang difailkan DAN SETELAH MENDENGAR hujjah — hujjah peguam — peguam tersebut ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa Rayuan ini dibenarkan DAN ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa perintah terhadap gantirugi am di kedua-dua Mahkamah bawah diketepikan dan digantikan dengan :

(1) Multiplier telah diakui untuk 16 tahun.

(2) Gantirugi untuk Kehilangan Tanggungan Pra Perbicaraan adalah RM83,200 dengan kadar faedah 4% dari tarikh kemalangan sehingga tarikh Penghakiman di Mahkamah Sesyen Butterworth.

(3) Gantirugi untuk Kehilangan Tanggungan Selepas Perbicaraan adalah RM70,400.

(4) Faedah 8 % setahun terhadap Jumlah Penghakiman untuk kehilangan tanggungan iaitu RM153,600 dari tarikh Penghakiman di Mahkamah Sesyen Butterworth sehingga tarikh penyelesaian pembayaran.

Kos disemua peringkat hendaklah ditaksirkan dan ditanggung oleh respondan.

(6) Deposit dikembalikan kepada perayu.

DIBERI di bawah tandatangan saya dan meterai mahkamah pada 8 September 1999.

NORAZLAN BIN AHMAD
PENDAFTAR/TIMBALAN PENDAFTAR
MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR.

Isu keenam

Sama ada award bagi ganti rugi am bagi kecederaan harus dikurangkan atau dikekalkan

Mahkamah ini berpendapat bahawa walaupun award sebanyak RM54,000 untuk gantirugi am bagi *pain and suffering and loss of amenities* boleh dikatakan *too generous* di cara am tetapi ini tidak boleh dikatakan satu award yang melampaui tinggi.

Untuk mempastikan sama ada award itu melampaui tinggi, Mahkamah harus ambil kira jenis kecederaan, tempoh di mana plaintif masuk di dalam hospital dan jenis rawatan yang diterima, pembedahan yang dijalankan di atas kecederaan, bone grafting, patah kaki yang pendek 5sm dan parut-parut di muka, leher dan di atas kaki disebabkan bone grafting dan yang menyebabkan plaintif untuk mengalami *pain and suffering and loss of amenities*. Oleh itu, mahkamah ini berpendapat bahawa award itu tidak boleh dikatakan satu award yang melampaui (not manifestly excessive) di atas fakta-fakta kes ini (lihat *Kow Ah Dek & Anor v K Ratnasingam* [1981] 2 MLJ 24, *British Transport Commission v Gourley* [1956] AC 185 di ms 206, *Multar v Lim Kim Chet & Anor* [1982] 1 MLJ 184, *Per Lord Denning Di Fairley v John Thompson (Design & Contracting Division Ltd)* [1973] 2 Lloyd's Rep 40 di ms 41, *United Plywood and Sawmill Ltd v Lock Ngan Loi* [1970] 2 MLJ 237, *Topaiwah v Salleh* [1968] 1 MLJ 284).

Mahkamah ingin berkata bahawa sebarang award yang dibenarkan oleh mahkamah bagi kecederaan plaintif memang tidak boleh membawa kaki yang asal kepada plaintif sebelum kecederaan yang dialami di kemalangan tetapi mahkamah harus berconsistent (there must be some consistency and certainty) atau satu ceiling di atas award supaya award itu tidak melampaui (exorbitant) dan dipastikan bukan mengikut kesukaan seseorang peguam atau kesukaan seseorang hakim mahkamah sesyen ataupun seorang majistret kepada sesuatu individual tetapi harus mengikuti 'trend of awards' kepada sesuatu kecederaan yang sama kalau tidak keseluruhan Industri Insuran akan jatuh (collapse) dan akibat itu ini mungkin akan membawa kelemahan kepada ekonomi atau tidak sihat kepada ekonomi Negara kita (lihat *Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad* [1985] 1 MLJ 50). Walau bagaimanapun, kes *Chu Kim Sing & Anor v Abdul Razak bin Amin* [1999] 6 MLJ 433 yang dirujuk oleh peguam plaintif di mana Abdul Malik Ishak H dalam kes itu berkata bahawa gantirugi hams dinaikkan berdasarkan kepada nilaian wang dan kenaikan perbelanjaan kehidupan dengan segala hormatnya tidak diikuti. Sebaliknya, kes *Phuah Jee Suan v Nila Vasu Pillai* [1972] 1 MLJ 202 di ms 203 diikuti dan ada berkaitan. Sekiranya mahkamah perbicaraan dibenarkan untuk kenaikan gantirugi am bagi kecederaan seorang berdasarkan kepada nilaian wang dan berdasarkan kepada kenaikan perbelanjaan harian tanpa mengikut '*trend of awards*' yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan dan Persekutuan, ini akan membawa dengan segala hormatnya satu ketidaktentuan dan membuka '*floodgates*' dan dengan itu award oleh Mahkamah rendah akan diberi dengan sewenang-wenang dan sesuka hati seseorang majistret atau

A seseorang hakim mahkamah sesyen dan ini boleh membawa satu ketidakadilan dan pihak-pihak tidak akan mencapai satu penyelesaian di atas kuantum (lihat *Ngooi Kusiong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30, *Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad* [1985] 1 MLJ 50 dan *Mariam binti Mansor v JD Peter* [1975] 1 MLJ 279). Juga tiap-tiap award bagi sesuatu kecederaan mesti mempunyai 'ceiling' supaya
B Mahkamah rendah dapat mengikuti award itu tanpa sebarang kekeliruan (lihat *Payremalu a/l Veerappan v Dr Amarjeet Kaur & Ors* [2001] 3 MLJ 725, iaitu keputusan mahkamah ini).

Walau bagaimanapun dan selepas mengambil kira kes-kes yang dirujuk oleh kedua-dua peguam dan hujahan-hujahan, mahkamah ini tidak ingin
C masuk campur di atas award ganti rugi am itu di atas fakta-fakta seperti dinyatakan di atas di dalam kes ini. Mahkamah ini ingin merakamkan bahawa award ini tidak boleh diambil kira sebagai satu precedent di masa hadapan untuk diikuti bagi kependekan kaki seperti kecederaan plaintif bagi kes-kes yang lain kerana award itu dikekalkan di atas fakta-fakta dan keadaan kes ini sahaja seperti yang dinyatakan terlebih dahulu.

D Sebelum mahkamah selesaikan rayuan ini, mahkamah ini ingin merujuk kepada aduan-aduan yang dikemukakan oleh peguam defendan-defendan terhadap hakim Mahkamah Sesyen Taiping pada masa itu di dalam kes ini:

E Aduan pertama:

> 1 Bahawa catitan di nota-nota prosiding oleh Hakim, Mahkamah Sesyen yang mengandungi di rekod rayuan di ms 57 bahawa 'kedua-dua pihak juga bersetuju untuk kehilangan mata pencarian hadapan adalah selama 16 tahun adalah tidak benar kerana peguam defendan-defendan tidak persetujui bahawa plaintifdi dalam kes ini berhah untuk kehilangan mata
F pencarian pada hadapan selama 16 tahun sep.erti dicatit oleh Hakim, Mahkamah Sesyen.

Aduan kedua:

> 2 Hakim Mahkamah Sesyen tidak membenarkan dan menahan peguam
G defendan-defendan untuk meneruskan dengan hujahan beliau walaupun plaintif gagal buktikan kehilangan pendapatan dan tempohnya, iaitu, issue multiplier kerana hakim mahkamah sesyen memberitahu peguam defendan-defendan bahawa beliau percaya kedua-dua saksi SP4 dan SP5 dan peguam defendan-defendan terpaksa di dalam keadaan desak untuk bercadang sebanyak RM300 sebulan untuk kehilangan pendapatan
H sebenarnya.

Aduan ketiga:

> Hakim Makkamah Sesyen berkata bahawa beliau tidak berikat pada sebarang keputusan mahkamah tentang kes-kes yang dirujuk.

I Tentang aduan pertama, mahkamah ini berpendapat bahawa seorang pegawai kehakiman yang menjalankan tugasnya bagi perbicaraan hanya boleh mencatit apa yang benar-benar berlaku dan diberitahu oleh pihak-

pihak atau peguam-peguamnya dan bukan untuk catit apa yang tidak diberitahu oleh pihak-pihak atau peguam-peguam tentang sebarang persetujuan. Di dalam kes ini, adalah nasib baik bagi peguam defendan-defendan kerana peguam plaintif sendiri mengakui dan sahkan bahawa peguam defendan-defendan tidak berjanji atau akui bahawa tempoh untuk kehilangan pendapatan pada masa hadapan atau mata pencarian bagi plaintif adalah 16 tahun dan juga ini tidak dipersetujui oleh peguam defendan-defendan seperti yang dicatit oleh hakim mahkamah sesyen di ms 57 barisan 15–16 rekod rayuan. Oleh itu, Mahkamah Rayuan ini tidak ambil kira persetujuan yang kononnya dipersetujui oleh peguam defendan-defendan dan seperti yang direkodkan oleh hakim mahkamah sesyen.

Di masa hadapan, mahkamah ini ingin memberitahu kepada peguam-peguam bahawa aduan-aduan seperti ini harus dibawa kepada perhatian hakim mahkamah sesyen atau majistret berkenaan melalui surat dengan sesalinan kepada peguam penentang selepas sahaja peguam berkenaan menerima nota-nota daripada mahkamah rendah dan selepas sedar dan bukan menunggu sehingga tarikh pendengaran rayuan.

Tindakan seperti itu perlu diambil oleh seorang peguam dengan secepat mungkin kerana hakim mahkamah sesyen atau majistret berkenaan mendapat satu peluang sama ada untuk sahkan kesilapan dan membetulkan nota-nota berkenaan yang telah ditaip atau pun menafikan dakwaan peguam berkenaan tentang catitan itu.

Tentang aduan kedua

Mahkamah ini berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen tidak boleh menahan atau memberhentikan atau melarang seorang peguam daripada membuat penghujahan dan tidak boleh berkata bahawa beliau tidak diikat atau mahu mengikut sebarang keputusan Mahkamah Tertinggi atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan yang dilapurkan kerana ini mungkin boleh menjadi satu salah laku atau *insubordination*. Mahkamah ini ingin nasihatkan peguam-peguam bahawa sekiranya ada sesiapa peguam yang diintimadasi atau mengalami intimadasi oleh mana-mana Pegawai Kehakiman di Mahkamah rendah daripada menjalankan tugas peguam untuk kemukakan kes anak guamnya atau menghadapi satu keadaan ketegangan atau *tense* di dalam Mahkamah rendah atau menghadapi kesulitan seperti aduan yang diadu oleh peguam defendan-defendan, peguamnya harus melapurkan perkara itu melalui surat kepada YAA Hakim Besar Malaya dengan fakta-fakta yang sepenuhnya ataupun jika perlu kepada YAA Ketua Hakim Negara Malaysia dengan salinan kepada peguam penentang atau pun membawa perkara itu melalui Jawatankuasa Peguam-Peguam Negeri ataupun melalui Majlis Peguam Malaysia supaya siasatan boleh dijalankan dan sekiranya aduan itu benar, satu tindakan boleh diambil untuk menghentikan perkara itu dengan serta-merta sebab tindakan atau sikap seorang Pegawai Kehakiman seperti ini akan membawa ketidak sihat kepada pentadbiran atau institusi badan kehakiman. Juga perkara seperti ini akan mengelakkan pihak-pihak atau litigant-litigant untuk membawa masalah-masalah mereka kepada mahkamah untuk

A mendapat keadilan yang sebenarnya atau akan hilang kepercayaan kepada institusi badan kehakiman. Tindakan atau sikap seperti yang diadu oleh peguam defendan-defendan di dalam kes ini oleh seorang Pegawai Kehakiman dalam badan kehakiman di negara kita adalah tidak perlu (wholly unwarranted) dan harus diberhentikan dengan serta-merta.

B Mahkamah ini bimbang bahawa ada kemungkinan aduan seperti yang diadu oleh peguam defendan-defendan boleh menjadi lewat, sekiranya aduan itu hanya di bawa di peringkat rayuan sahaja tanpa lapuran dibuat kepada YAA Hakim Besar Malaya atau YAA Ketua Hakim Negara Malaysia. Di dalam kes ini adalah nasib baik kerana peguam plaintif adalah jujur untuk sahkan aduan-aduan seperti diberitahu oleh peguam defendan-
C defendan terhadap hakim mahkamah sesyen itu. Mahkamah ini ingin puji peguam defendan-defendan yang berani atau mempunyai *courage* untuk adu perkara ini di Mahkamah Rayuan ini dan berharap bahawa peguam-peguam yang lain yang mungkin menghadapi keadaan seperti ini yang dilakukan oleh seorang majistret atau seorang hakim mahkamah sesyen untuk membawa perhatian kepada Mahkamah Rayuan dan untuk lapurkan
D kepada YAA Hakim Besar atau YAA Ketua Hakim Negara Malaysia. Mahkamah ingin menyatakan bahawa mana-mana pegawai kehakiman yang cakap kasar atau dipanggil *arrogant* atau menghalang seorang peguam untuk menjalankan tugas-tugasnya di dalam mahkamah pada masa Pegawai Kehakiman menjalankan tugas-tugasnya di mahkamah perkara ini harus
E dilapurkan kepada YAA Hakim Besar Malaya atau jika perlu kepada YAA Ketua Hakim Negara Malaysia.

Mahkamah ini berpendapat bahawa '*there must always be judicial calm, tolerance and courtesy*' diamalkan oleh seorang hakim mahkamah sesyen dan seorang majistret dan ini harus dikekalkan di apa-apa jua keadaan di dalam mahkamah oleh peguam-peguam sebagai pegawai mahkamah dan terutama
F oleh seorang pegawai kehakiman yang mengenisi prosiding di dalam mahkamah. Mahkamah ini ingin mengambil peluang ini untuk merujuk kepada kes *Loo Pang v Ng Chye* [1974] 2 MLJ 193 di mana Sharma H berkata di ms 194:

> G ... a reasonable and workable amount of harmony and goodwill, if not a complete accord and adjustment, ought to prevail between the Bench and the Bar and the mere fact that a presiding officer of the court whether he be a judge or a magistrate sits a few feet higher than the floor from which the counsel addresses him should make no difference in the attitude, duties and status of the two. Both of them are part of the same machinery of justice. Both of them are essentially men of law and presumably of honour, no doubt
> H performing different functions but those functions are aimed at one and the same end and that is the administration of justice with dignity, courtesy and honour and these qualities should be seen and reflected in their respective conduct and behaviour. The Bench and the Bar both serve the public and the law which the public is expected to respect and honour. Those connected with the administration of law and justice should be so worthy as to command that
> I respect and honour.

Saya berharap bahawa perkara-perkara seperti diadu oleh peguam defendan-defendan tidak akan diulangi di mana-mana mahkamah-

mahkamah rendah dan tugas masing-masing di antara peguam-peguam dan Pegawai-Pegawai Kehakiman dapat dijalankan dengan licin supaya keadilan sebenarnya boleh dicapai tanpa sebarang gangguan oleh mana-mana pihak untuk mencapai keadilan sebenarnya. Mahkamah ini berpendapat bahawa keadilan tidak boleh dicepatkan dengan tujuan hanya untuk meningkatkan atau mendapatkan banyak kes-kes dapat diselesaikan kerana ini akan menafikan tujuan untuk menjalankan perbicaraan dan akan membawa ketidakadilan. '*Justice should not be hurried just for the sake of maintaining good statistics in the number of cases disposed off, in other words there should be quality judgment and not quantity Judgment as if this is allowed it will defeat the whole purpose of a judicial trial*'. Didalam kes *PP v H Chamras Tasaso* [1975] 2 MLJ 44, YA Hashim Yeop Sani J (pada masa itu) berkata:

> At the outset let me say this. I would rather live with arrears and backlog of cases, which is I think a lesser evil, than have cases disposed of with such a speed and in such hurried afashion as would leave in the minds of the ordinary persons a lingering suspicion that something is not right. Justice must not only be done but must manifestly be seen to be done.

Mahkamah ini berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen sepatutnya harus membenarkan peguam defendan-defendan untuk berhujah di atas gantirugi yang dituntut oleh plaintif sebelum beliau membuat keputusan. hakim mahkamah sesyen sepatutnya tidak boleh menutup langsung peguam defendan-defendan daripada mengemukakan hujahan di mana ini adalah bertentangan dengan amalan kebiasaan yang diamalkan di dalam mahkamah di Negara kita di mana peguam dibenarkan dan dijemput atau diberi peluang untuk hujah-hujah di atas fakta-fakta yang dikemukakan dalam perbicaraan dan untuk merujuk kepada kes-kes dan undang-undang yang ada kaitan. Mahkamah ini berpendapat bahawa sekiranya hakim mahkamah sesyen dapat bersabar atau mempunyai *judicial calm, tolerance and courtesy* dan tidak mempercepatkan prosiding seperti yang berlaku di dalam kes ini dan diadu oleh peguam defendan-defendan dan memberi peluang untuk mendengar penghujahan peguam defendan-defendan, maka hakim mahkamah sesyen tidak akan membuat kesilapan di segi undang-undang seperti yang dilakukan di dalam kes ini dan keputusan di dalam keadaan tersebut tidak boleh dikatakan atau dikekalkan sebagai satu keputusan kehakiman. Di dalam kes *Re Kumaraendran, An Advocate & Solicitor* [1975] 2 MLJ 45 di 48, YA Abdoolcader J (pada masa itu) berkata:

> Presidents and magistrates must accept the fact that it is the duty of counsel appearing before them to act fearlessly and with all the force and vigour at their disposal in the interest of the cause they represent but wholly within the bounds of propriety and courtesy in the discharge of their duties as officers of the court. Counsel appearing before these courts must equally remember that in the discharge of their duties they must judiciously use the right and privilege of appearing as such in these courts and not abuse it, and that their conduct must at all times accord with that decorum and dignity which is absolutely essential to the administration of Justice and above all, however frustrated or provoked they may be, they must pay that respect due to the court which is the embodiment of the institution of justice in the machinery of which both the courts and the Bar are interdependent and vital components. If counsel

A has any complaint of unfair treatment then his recourse should not be a challenge to the authority of the court but must of necessity be to direct it to the proper quarters either personally or perhaps more appropriately through the appropriate Bar Committee. Mutual respect and courtesy should always prevail and the utmost restraint exercised from overacting, even at the most trying times. Occurrences of the nature before me will only tarnish the image
B of justice which we all seek to administer and mar the smoothness of its administration. If this admonition is adhered to then there will be no danger of a repitition of the unhappy events which have culminated in today's proceedings.

Akhirnya, selepas mengambil kira dan meneliti nota-nota yang dicatitkan di rekod rayuan lampiran 9, hujah-hujah tulis kedua-dua peguam lampiran 22
C dan lampiran 23, alasan alasan penghakiman oleh hakim mahkamah sesyen dan kes-kes atau autoriti-autoriti yang dirujuk oleh kedua-dua peguam melalui ikatan autoriti lampiran-lampiran 15 dan 23A, rayuan oleh defendan-defendan dibenarkan pada satu bahagian sahaja, iaitu tentang keputusan tempoh yang dibenarkan oleh hakim mahkamah sesyen untuk
D ganti rugi bagi kehilangan pendapatan pada masa hadapan di mana tempohnya dikurangkan kepada sepuluh tahun dan rayuan kepada perkara-perkara atas isu-isu yang lain seperti dinyatakan terlebih dahulu di atas ditolak.

Rayuan balas plaintif juga ditolak dengan kos. Deposit dipulangkan kepada peguam defendan-defendan bagi akaun kos.

E Defendan-defendan berhak kos $^{1}/_{4}$ sahaja bagi rayuan ini.

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na

F

G

H

I